



**SURAT PEMBERITAHUAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN: 01 / 2023**

**TAWARAN BIASISWA BAGI MENGIKUTI PROGRAM-PROGRAM  
IJAZAH SARJANA MUDA, SARJANA, DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) DAN IKHTISAS (PROFESIONAL)  
SESI PENGAJIAN 2023/2024**

Pemohon-pemohon yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke tahap Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah [Ph.D] dan Ikhtisas (Profesional) di bawah Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Biasiswa Kementerian Hal Ehwat Ugama bagi sesi pengajian akademik 2023/2024 adalah dipelawa memohon mengikut syarat-syarat yang disenaraikan untuk dipertimbangkan.

**1. SYARAT-SYARAT UTAMA**

- 1.1 Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu pemegang kad pintar berwarna kuning.
- 1.2 Beragama Islam dari kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Syafie.
- 1.3 Umur pada 1hb September 2023 bagi sesi pengajian 2023/2024 yang dipohonkan tidak melebihi:
  - **26 tahun - bagi pemohon peringkat Sarjana Muda; dan**
  - **30 tahun - bagi pemohon Sarjana, Doktor Falsafah (Ph.D) dan Ikhtisas ( Profesional)**
- 1.4 Memperoleh sekurang-kurangnya **Kepujian (Credit) C6** mata pelajaran **Bahasa Melayu** dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa [**BC GCE 'O' Level**] atau yang sebanding dengannya.
- 1.5 Memperoleh sekurang-kurangnya **Kepujian (Jayid) C6** mata pelajaran **Bahasa Arab** dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (**SPUB**) atau yang sebanding dengannya.
- 1.6 Memperoleh sekurang-kurangnya **Kepujian (Credit) C6** mata pelajaran **Bahasa Inggeris** sama ada dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa [**BC GCE 'O' Level**] atau sekurang-kurangnya **Gred C** bagi mata pelajaran **IGCSE English as a Second Language** atau yang sebanding dengannya; atau **Lulus Kertas Am [General Paper]** dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (**BC GCE 'A' Level**); atau **memperolehi IELTS Overall Band 6.5**; atau yang sebanding dengannya bagi pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar.
- 1.7 Mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian di **universiti-universiti yang menempati kedudukan 250 teratas** mengikut kedudukan berikut:
  - **QS World University (QSWU) Rankings 2023;**  
atau

- **Times Higher Education University (THEU) Rankings 2023;**

atau

- Sekurang-kurangnya berkedudukan ‘**Tier 6/5**’ **SETARA ‘17** bagi institusi-institusi pengajian tinggi [IPT] di **Malaysia**;

atau

- Universiti yang tersenarai dalam kedudukan **10 teratas** di negara pengajian yang dipohonkan bagi **Republik Arab Mesir, Negara Jordan, Oman dan Morocco** mengikut pengiktirafan Kerajaan masing-masing.

atau

- Universiti-universiti yang mempunyai memorandum / jalinan persefahaman dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama / Kementerian Pendidikan.

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK:

### 2.1 IJAZAH SARJANA MUDA iaitu bagi:

- Lulusan STPUB / BC GCE ‘A’ Level dari Sekolah-Sekolah Arab.
- Lulusan Diploma ‘Aliyah Al Quran wal Qiraat / STPUB, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

#### 2.1.1 Lulusan STPUB / BC GCE ‘A’ Level dari Sekolah-Sekolah Arab

- i - Memperoleh sijil pangkat **Mumtaz** dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei [STPUB] dalam sekali duduk; **atau**
- ii -
  - Memperoleh sekurang-kurangnya **tiga [3]** mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan [**BCGCE ‘A’ level**] yang berkait rapat dengan kursus yang dipohon dalam sekali duduk dan hendaklah memperoleh **120 UCAS Tariff points [Baru] / 300 UCAS Tariff points [Lama]** iaitu tidak kurang daripada **gred C, 144 UCAS Tariff points [Baru] / 360 UCAS Tariff points [Lama]** tidak kurang daripada **gred A** bagi kursus Perubatan / Pergigian; dan
  - Memperoleh sekurang-kurangnya markah **60% dalam peperiksaan dalaman sekolah** bagi pelajar-pelajar **Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah**.

Nilai UCAS Tariff Points <b>BARU</b> atau <b>LAMA</b> seperti berikut :						
<b>Baru</b>	A* =56	A=48	B=40	C=32	D=24	E=16
atau						
<b>Lama</b>	A* = 140	A=120	B=100	C=80	D=60	E=40

#### 2.1.2 Lulusan Diploma ‘Aliyah Al Quran wal Qiraat / STPUB, dari ITQSHHB

- i - Memperoleh kelulusan pangkat **Mumtaz** dalam peperiksaan Sijil **Diploma ‘Aliyah Al-Qiraat** kelolaan **Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah** dalam sekali duduk; **dan**
- ii - Memperoleh hafazan tiga puluh **[30] juzuk** Al-Quran peringkat institut; **atau**
- iii - Memperoleh sijil pangkat **Mumtaz** dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei [STPUB]

dalam sekali duduk.

- 2.1.3 Mempunyai kelulusan yang diterima oleh pihak Universiti yang dipohonkan dan bersedia mengikuti kursus yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi memenuhi keperluan perancangan Kementerian dan Negara.
- 2.1.4 Senarai kursus-kursus yang ditawarkan disertakan di Lampiran 'A'.
- 2.1.5 Bagi pemohon yang memenuhi syarat-syarat bidang pengajian / kursus Ugama tetapi berhasrat untuk mengikuti bidang-bidang lain, juga akan dipertimbangkan mengikut keperluan / perancangan Jabatan / Kementerian.

## 2.2 IJAZAH SARJANA / DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) DAN IKHTISAS (PROFESIONAL)

### 2.2.1 Bagi Ijazah Sarjana :

- i. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda sekurang-kurangnya pangkat **Jayid jiddan** bagi lulusan Universiti Al-Azhar / Jordan; atau Kelas **Kedua Atas [2:1]** atau kelayakan yang sebanding dengannya yang diperolehi daripada universiti yang diiktiraf khusus bagi lulusan Ijazah Sarjana Muda dari Skim Biasiswa KHEU . Walau bagaimanapun, klasifikasi / gred kelulusan yang lebih tinggi dan bersesuaian dengan keperluan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah merupakan satu kelebihan.
- ii. Kursus hendaklah diikuti secara sepenuh masa.

### 2.2.2 Bagi Ijazah Doktor Falsafah [Ph.D]:

- i. Memperoleh Ijazah Sarjana atau kelulusan yang diiktiraf Kerajaan sebagai sebanding dengannya. Klasifikasi bagi kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan. Tawaran ini juga adalah bagi lulusan Sarjana dari Skim Biasiswa KHEU.
- ii. Kursus hendaklah diikuti secara sepenuh masa.

### 2.2.3 Bagi kursus di peringkat Ikhtisas (Profesional) :

- i. Hendaklah memperolehi Ijazah Sarjana Muda sekurang-kurangnya pangkat **Jayid jiddan** atau **Kelas Kedua Atas [2:1]** dalam bidang pengajian yang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf sebagai sebanding dengannya. Klasifikasi bagi kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan. Bidang ikhtisas berkenaan hendaklah diikuti secara sepenuh masa [**full-time**].

## 3. SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

Pemohon mestilah juga memenuhi syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- 3.1. Bersih dalam tapisan keselamatan dan jenayah.
- 3.2. Disahkan sihat dalam pemeriksaan kesihatan (tempoh kesahihan 6 bulan).
- 3.3. Lulus pemilihan temuduga Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- 3.4. Tidak berkhidmat dengan Kerajaan.
- 3.5. Tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi.

- 3.6. Kursus atau program dan tempat pengajian yang akan diikuti hendaklah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan [MKPK] Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- 3.7. Bagi pemohon yang akan mengikuti ijazah Sarjana atau ijazah Doktor Falsafah [Ph.D] dikehendaki untuk menyertakan perkara-perkara berikut:
- Salinan sijil kelulusan bersama transkrip ijazah Sarjana Muda / Sarjana;
  - Pengiktirafan MKPK terhadap kursus dan institusi pengajian yang dipohonkan.
  - Kertas cadangan penyelidikan ilmiah (Research Proposal) / Projek yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan dan perancangan Kementerian / Jabatan / Negara;
  - Kalendar akademik pengajian, kandungan kursus dan biaya yuran pengajian bagi kursus yang dipohonkan.

#### **4. PEMOHON YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

Pemohon dalam kategori berikut dengan sendirinya tidak akan dipertimbangkan dan tidak akan mendapat maklum balas daripada pihak urusetia (hanya pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan):

- 4.1. Tidak memenuhi syarat-syarat utama di para 1 [1.1 hingga 1.7] di atas; dan syarat-syarat kelayakan akademik di para 2; serta syarat-syarat tambahan di para 3.
- 4.2. Bekas pelajar Biasiswa Kerajaan atau mana-mana agensi biasiswa yang ditamatkan biasiswanya dari agensi berkenaan berikutan kegagalannya untuk mempamerkan sebarang peningkatan / pencapaian kelulusan dalam pengajian yang diikutinya.
- 4.3. Permohonan yang dihantar:
- Selepas tarikh tutup; atau
  - Yang tidak lengkap diisi; atau
  - Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan; atau
  - Mempunyai maklumat palsu / tidak benar.

#### **5. TATA CARA PERMOHONAN**

- 5.1. Borang permohonan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama dan keterangan lanjut boleh diperolehi di alamat berikut:

**Unit Biasiswa,  
Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Dan Biasiswa,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Blok 2J bilik 14:03,  
Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam BA 1311.  
Nombor Telefon: 8330064**

Atau bolehlah diakses melalui pautan <https://tinyurl.com/borangbiasiswakheu2023>

- 5.2. Laporan Sulit bolehlah dihadapkan kemudian secara berasingan oleh pengetua sekolah / pensyarah masing-masing.
- 5.3. Semua salinan sijil dan dokumen yang disertakan hendaklah disahkan oleh pengetua sekolah / pensyarah masing-masing.
- 5.4. Pemohon hendaklah menghadapkan salinan surat tawaran tempat pengajian berserta dengan isi kandungan kursus bersama-sama dengan permohonan sebaik saja diperolehi.
- 5.5. Tarikh tutup permohonan:

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta dengan salinan salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dikembalikan **tidak lewat** pada **hari Sabtu, 18 Mac 2023** ke alamat berikut:

**Unit Biasiswa,  
Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Dan Biasiswa,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Blok 2J bilik 14:03,  
Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam BA 1311  
email: biasiswa@jpi.edu.bn**

**SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DIPERLUKAN BAGI PENGANUGERAHAN BIASISWA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA SESI PENGAJIAN 2023 / 2024**

- PERINGKAT SARJANA MUDA  
**Diikat Janji sebagai Pendidik / Berkhidmat Dengan Kerajaan**

BIL	KURSUS
<b>A</b>	<b>Sarjana Muda Syariah</b>
1	Usul Fiqh / Fiqh dan Qadha
2	Syariah & Ekonomi
3	Syariah & Undang-Undang [LLB]
4	Islamic Political Science
<b>B</b>	<b>Sarjana Muda Usuluddin</b>
5	Hadith & Ulum / Tafsir & Ulum
6	Usuluddin & Kaunseling
<b>C</b>	<b>Sarjana Muda Bahasa Arab</b>
7	Bahasa Arab & Komunikasi
<b>D</b>	<b>Sarjana Muda Pengajian Islam</b>
8	Quran & Sunnah
9	Quran & Qiraat
10	Pengajian Quran & Multimedia
<b>E</b>	<b>Sarjana Muda Pengajian Umum</b>
11	Bidang-bidang Umum (Sains & Bahasa Inggeris)
12	Perubatan / Pergigian

- PERINGKAT SARJANA  
**Diikat Janji sebagai Pendidik / Berkhidmat Dengan Kerajaan**

BIL	KURSUS
1	Sarjana Syariah
2	Sarjana Usuluddin
3	Sarjana Bahasa Arab
4	Sarjana Perguruan Ugama ( Syariah)
5	Sarjana Perguruan Ugama ( Usuluddin)
6	Sarjana Perguruan Ugama (Bahasa Arab)
7	Bidang-bidang Pentadbiran / Pengurusan / Dasar Awam

- PERINGKAT KEDOKTORAN FALSAFAH (PhD)  
**Diikat Janji sebagai Pendidik / Berkhidmat Dengan Kerajaan**

BIL	KURSUS
1	PhD Syariah
2	PhD Usuluddin
3	PhD Bahasa Arab
4	Doktor Falsafah Perguruan Ugama